

# Terima kasih kepada semua: **PM**

KUALA LUMPUR, Ahad Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. **Mahathir Mohamad** merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan pakar bedah yang menjayakan pembedahan pintasan koronari ke atasnya pada 24 Januari lalu.

Beliau yang bersyukur kerana selamat menjalani pembedahan itu, juga mengucapkan terima kasih kepada doktor, jururawat dan kakitangan hospital yang memberi layanan baik sepanjang tiga minggu beliau dirawat di Hospital Besar.

Berikut ialah kenyataan penuh Perdana Menteri:

"Saya dan keluarga saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana saya telah selamat menjalani pembedahan baru-baru ini.

"Saya serta keluarga saya menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah berkenan mengunjungi saya semasa saya dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur.

"Kami juga menjunjung kasih Ke Bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Permaisuri-Permaisuri dan Ke Bawah Duli-Duli Yang Teramat Mulia, Tengku-Tengku Mahkota dan Raja-Raja Muda serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain yang telah berkenan mengunjungi

dan mengirim perutusan-perutusan ucap selamat.

"Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri yang telah mengirim perutusan-perutusan ucap selamat.

"Di samping itu, kami mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri, orang kenamaan, pegawai kerajaan dan orang ramai yang telah datang ke hospital, mengirim kad dan telegram ucap selamat serta karangan bunga.

"Terima kasih kami juga kepada pembesar negara-negara asing, orang kenamaan dan perseorangan dari luar negeri serta perwakilan asing di Malaysia yang telah menghantar kawat-kawat ucap selamat.

"Kami juga sangat menghargai jasa semua pihak yang telah berdoa agar saya segera sembuh.

"Saya, isteri saya dan keluarga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pakar-pakar dan doktor, jururawat dan kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur yang telah menjayakan pembedahan tersebut dan juga telah memberikan layanan yang amat baik.

"Kami sekeluarga merasa terharu dan amat menghargai perasaan simpati dan perhatian berat yang ditunjukkan oleh semua pihak dan mengucapkan sebanyak terima kasih."